

# Dialog

## BERSAMA TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)



Barisan pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat dan Fakulti Perakaunan bersama Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa) UiTM Sarawak

**Penulis: Sharin Sulaiman**

Fakulti Perakaunan dan Pusat Pengajian Sains Maklumat telah mengadakan sesi perjumpaan bersama Profesor Madya Ts. ChM Dr Mohammad Isa Bin Mohamadin, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Samarahan, Pada 13 Oktober 2023 hari Jumaat, pukul 2.00 petang

Antara tujuan perjumpaan ini diadakan adalah untuk memberi peluang dan ruang kepada para pensyarah Fakulti Perakaunan dan Pengajian Sains Maklumat untuk menyuarakan pendapat, persoalan dan menengahkan permasalahan yang berkaitan dengan pengurusan program akademik masing – masing. Antara masalah yang dibincangkan termasuk yang berkaitan dengan akses kepada Sistem Maklumat Pelajar untuk kemudahan Penasihat Akademik, proses pendaftaran kursus pelajar, kemudahan pengajaran dan pembelajaran bilik kuliah, pengambilan pensyarah sambilan dan sebagainya. Setiap masalah tersebut dijawab dengan penuh hikmah oleh Profesor Madya Ts ChM Dr Mohammad Isa bin Mohamadin dengan fakta dan maklumat yang lengkap.

Pengacara majlis pada hari tersebut ialah Puan Siti Maliza Binti Haji Salleh, pensyarah kanan dari Fakulti Perakaunan. Rata-rata semua pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat hadir dalam perjumpaan kali ini. Dalam ucapan aluan dari Profesor Madya Ts ChM Dr Mohammad Isa Bin Mohamadin, beliau menekankan bahawa tanggungjawab dan amanah sebagai seorang pensyarah kini berubah dan tidak hanya tertakluk

kepada amanah mengajar sahaja. Malah mereka perlu memberi komitmen padu dalam melakukan kerja selain dari mengajar seperti menulis, menyelia pelajar dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti khidmat masyarakat dan sebagainya. Turut dijelaskan dalam ucapan beliau ialah tentang kunci petunjuk prestasi Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan bagaimana pensyarah dapat membantu Bahagian tersebut untuk mencapainya.

### Setinta Kasih Segunung Budi & Pelantikan Ketua Pusat Pengajian Baru

Setelah selesai perbincangan, majlis diteruskan dengan majlis penghargaan kepada mantan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan dan Pengajian Sains Maklumat, Puan Hajah Dayangku Ruhayah Binti Awang Bolhan di mana Profesor Madya Ts ChM Dr Mohammad Isa Bin Mohamadin sendiri menyampaikan cenderahati tanda kenang –



Penyerahan cenderamata oleh Prof Madya Ts. ChM Dr Mohammad Isa kepada Puan Hajah Dayangku Ruhayah dan diperhatikan oleh Dr Susan Hydra Sinkayu

“

**Kain Cindai Dari Palembang  
Dibawa Berlayar Ke Pulau Bentan  
Makin Lama Kami Mengenang  
Budi Setitik Jadi Lautan**

**Kayuh Beca Ke Bukit Berangan  
Hendak Membeli Secupak Ragi  
Banyak Sudah Tercipta Kenangan  
Harap Dapat Berjumpa Lagi**

”

kenangan pensyarah Fakulti Perakaunan dan Pengajian Sains Maklumat yang disaksikan oleh Ketua Pusat Pengajian baharu iaitu Dr Susan Hydra Sikayu. Professor Madya Ts Dr ChM Mohammad Isa Bin Mohamadin turut mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dr Susan Hydra Sikayu atas pelantikan beliau sebagai Ketua Pusat Fakulti Perakaunan dan Pengajian Sains Maklumat yang baharu. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar beramai – ramai di bahagian tangga Blok Pentadbiran dan minuman petang disediakan.

Barisan pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat di kesempatan ini ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada mantan ketua pusat pengajian, Puan Hajah Dayangku Ruhayah Binti Awang Bolhan atas segala nasihat, bimbingan, teguran, kerjasama dan budi baik yang telah diberikan sepanjang beliau bersama dengan Pusat Pengajian Sains Maklumat. Kami mendoakan agar Puan Hajah Dayangku Ruhayah kekal sukses dan berjaya dunia dan akhirat dalam mengejar impiannya. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas jasa baik Puan Hajah.